Bil ( ) dlm. MBKT. 13/2-17

# MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU
## BAHAGIAN TEMPAT LETAK KERETA

## KENYATAAN TAWARAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Tawaran adalah dipelawa kepada semua rakyat Negeri Terengganu terutama yang bermastautin dalam kawasan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu yang berpengalaman di dalam Pengurusan Tempat Letak Kereta dan berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN** di bawah kod bidang **221510 (Tempat Letak Kereta)** untuk mengemukakan tawaran pajakan menjalankan Konsesi Medan Letak Kereta sebagaimana kenyataan di bawah:-

| | | |
|---|---|---|
| *1* | *MBKT SH 10/2017* | *TAWARAN PAJAKAN UNTUK MENJALANKAN KONSESI MEDAN TEMPAT LETAK KERETA DAN TANDAS DI STADIUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH, KUALA TERENGGANU.* |
| *2* | *MBKT SH 11/2017* | *TAWARAN PAJAKAN UNTUK MENJALANKAN KONSESI MEDAN TEMPAT LETAK KERETA DI KAMPUNG TIONG, KUALA TERENGGANU* |
| | | *Tempoh Pajakan : 2 TAHUN* |

SYARAT-SYARAT MEMASUKI TAWARAN

1. Dokumen Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Bahagian Tempat Letak Kereta, Aras 9 Bangunan Tempat Letak Kereta Pasar Kedai Payang, Kuala Terengganu,Terengganu** dengan harga **RM 30/= senaskah** mulai **15 Jun 2017 (Khamis)** hingga **21 Jun 2017 (Rabu)** Bayaran pembelian Naskah Sebutharga ini tidak akan dikembalikan.

2. Satu salinan **Sijil Kementerian Kewangan** hendaklah dikembarkan bersama sebutharga di dalam sampul surat dan dihantar ke alamat:

   DATUK BANDAR
   MAJLIS BANDARAYA
   KUALA TERENGGANU.

   dengan menulis disebelah luar " **No. Sebutharga seperti contoh MBKT SH. 10/2017** " dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Pengurusan Kontrak Dan Pelaburan , Tingkat 1, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu tidak lewat daripada **12.00 tengahari** pada **22 Jun 2017 (Khamis).**

3. Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang tertinggi sekali ataupun mana-mana tawaran.

4. Pemborong yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas sebutharga disetujuterima atau menarik balik sebutharga selepas keputusan dibuat maka lesen pemborongnya boleh digantung.

***( HAJI MOHD ZULKIFLI BIN ABU BAKAR )***
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.